



**IKLAN KENAIKAN PANGKAT STAF AKADEMIK
BAGI SKIM PENSYARAH UNIVERSITI
Bil.1/2023**

Assalamualaikum dan selamat sejahtera,

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk,

Dimaklumkan bahawa pihak Pengurusan UNIMAS menjemput dan mempersilakan calon-calon yang telah memenuhi syarat-syarat Am dan Khas bagi mengisi jawatan kenaikan pangkat seperti berikut:

- 1. Pensyarah Universiti Gred DS54 (Prof Madya)**
Calon berada di Jawatan Pensyarah Universiti, Gred DS51/DS52.
- 2. Profesor Gred Khas C (VK7)**
Calon berada di Jawatan Pensyarah Universiti, Gred DS53/DS54.

Trek Yang Ditawarkan

- Trek Pengajaran
- Trek Penyelidikan
- Trek Kepimpinan

Prasyarat Bagi Memohon Trek Kepimpinan – Mempunyai sekurang-kurangnya tiga (3) tahun dalam lantikan pentadbiran. Bagi tujuan tersebut, calon perlu melengkapkan maklumat pada bahagian Khidmat Universiti.

Syarat Am

- Telah disahkan dalam perkhidmatan;
- Telah diluluskan perisytiharan harta;
- Mendapat penilaian prestasi (sekurang-kurangnya 85%) sebanyak tiga (3) kali selepas kenaikan pangkat terakhir.
- Lulus tapisan keutuhan (SPRM);
- Bebas daripada tindakan tatatertib;
- Diperakukan oleh Ketua Pusat Tanggungjawab; dan
- Mendapat perakuan Panel Penilai Luar yang dilantik oleh Universiti berdasar keperluan berikut:

Jawatan Dipohon	Jumlah Panel Penilai Luar
Pensyarah Universiti DS54 (Prof Madya)	2 panel
Profesor Gred Khas C (VK7)	3 panel

Syarat Khas

Rujuk Lampiran Kriteria Kenaikan Pangkat Akademik Mengikut Trek Bagi Skim Pensyarah Universiti, Universiti Malaysia Sarawak.

Prosedur Permohonan

1. Permohonan hendaklah dibuat secara atas talian (*online*) melalui pautan <https://staff.unimas.my/epangkatakademik/> dan klik pada **ePangkat Akademik** (*log-in* menggunakan *single-ID*).
2. Maklumat penyelidikan, penerbitan, pengajaran, penyeliaan dan perundingan akan diimport dari *Integrated Research Information System* (iRIS) dan Sistem Pengurusan Pelajar (SPP). Calon **TIDAK DIBENARKAN** untuk menambah sebarang maklumat berkaitan ke dalam sistem epangkat.

Walau bagaimanapun, calon boleh menambah maklumat penerbitan berkaitan karya kreatif dan Produksi MOOC.

3. Calon dibenarkan untuk membuat penambahan maklumat dalam epangkat bagi komponen **Sanjungan & Kepimpinan Akademik dan Khidmat Universiti & Masyarakat**.
4. Sebarang kemusykilan berhubung maklumat pengajaran dan penyeliaan hendaklah dimajukan kepada pegawai berikut;

Maklumat Pengajaran	Maklumat Penyeliaan
Nama: Encik Fadly Faizal bin Rakawi	Nama: Puan Nor Atikah Binti Junaidi
No tel: 082-581175	No tel: 082-581069
Emel: frfadly@unimas.my	Emel: jnatikah@unimas.my

5. Calon perlu memuatnaik dokumen sokongan ke dalam ePangkat Akademik bagi komponen-komponen berikut.
 - i. Pengajaran (Pendekatan Pengajaran)
 - ii. Penyeliaan (Projek Tahun Akhir)
 - iii. Sanjungan & Kepimpinan Akademik
Bagi penilai jurnal, calon perlu mengemukakan Surat Akuan Selesai Tugas daripada pihak jurnal.
 - iii. Khidmat Universiti dan Masyarakat (Surat Lantikan)
 - iv. Penerbitan (karya kreatif dan MOOC).

Calon tidak perlu memuatnaik dokumen sokongan bagi komponen penyelidikan, penerbitan, pengajaran, penyeliaan dan pengkomersilan.

6. Bagi data penyelidikan, penerbitan dan perundingan yang tidak terdapat dalam epangkat selepas proses import data dilaksanakan, calon perlu mengemaskini maklumat masing-masing dalam sistem iRIS. Sebarang kemusykilan berhubung data ini hendaklah dimajukan kepada pegawai berikut:

Data Berkaitan	Pegawai Berkaitan
Penyelidikan (iRIS)	Prof Madya Dr Abang Azlan Mohamad Timbalan Pengarah, Unit Pengurusan Geran amazlan@unimas.my / ext 1152
Penerbitan (iRIS) – Jurnal / Prosiding / Artikel	En Wan Abd Rahman Wan Bujang (wbwarahman@unimas.my / ext 3912) Puan Nurul Syahfinaz Abdullah (nurul@unimas.my / ext 3916)
Penerbitan (iRIS) – Buku dan Bab Dalam Buku	Dr Sharon Cheuk Choy Sheung (ccssharon@unimas.my / +6082-581205 / 4419)
Perundingan (iRIS)	Mdm Chin Shaw Moi (smchin@unimasholdings.com / 082-222000) / En Mohd Hazman Bin Othman (ohazman@unimasholdings.com / 082-222000)

7. Kompilasi dokumen permohonan (Cetakan Borang Permohonan *Online, Curriculum Vitae* (menggunakan format UNIMAS) dan dokumen sokongan) perlu disediakan dalam **1 SET** dan dimajukan ke alamat seperti di bawah **melalui pejabat Dekan masing-masing selewat-lewatnya pada 8 Mac 2023 jam 4.30 petang.**

Pendaftar
Universiti Malaysia Sarawak
94300 Kota Samarahan
(u/p: Unit Kemajuan Kerjaya, BPSM)

8. Perakuan Ketua Jabatan Bagi Lantikan Pentadbiran

Semua pemohon perlu memilih Ketua Jabatan untuk perakuan Ketua Jabatan seperti berikut.

Lantikan Pentadbiran	Ketua Jabatan
Dekan / Pengarah	Naib Canselor / Timbalan Naib Canselor
Selain lantikan sebagai Dekan / Pengarah	Dekan fakulti masing-masing.

9. Hanya calon yang memenuhi keperluan syarat am dan syarat khas seperti berikut akan dapat mengakses butang **HANTAR** dan boleh mengemukakan permohonan.

- Syarat Am
- Markah minima bagi panggilan temuduga
- Memenuhi syarat wajib
- Memenuhi markah komponen yang ditetapkan (**KECUALI TREK KEPIMPINAN**)
- Memenuhi markah sub komponen yang ditetapkan (**KECUALI TREK KEPIMPINAN**)

Calon yang tidak memenuhi keperluan syarat di atas tidak akan dapat mengakses butang **HANTAR** dan tidak boleh mengemukakan permohonan.

10. Tarikh Penting Eksesais Kenaikan Pangkat Bil.1/2023

Iklan Dibuka: **1 Februari 2023 (jam 12.00 tgh)**
Iklan dan Sistem Ditutup: **28 Februari 2023 (sehingga jam 11.59 tengah malam)**
Tarikh Akhir Penghantaran Dokumen: **8 Mac 2023 jam 4.30 petang**

11. Hanya calon yang diperakukan oleh Pengurusan Universiti sahaja akan dijemput untuk temuduga.

12. Untuk sebarang pertanyaan lanjut, sila berhubung terus dengan staf berikut;

- En Mizan Morshidi (1135)
- Cik Aini binti Razali (1096)
- Cik Habibah Hj Yakub (1096)
- Encik Ali bin Abdul Talip (1134)
- Encik Alvin Martin Linang (1134)
- Cik Nuramirah binti Bujang (2337)

Perhatian dan kerjasama semua amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.



Haji Azlan bin Ramli
Pendaftar